

**PERBANDINGAN TAHAP PENGETAHUAN DAN
SIKAP TENTANG KANSER SERVIKS DALAM
KALANGAN WANITA BANDAR DAN LUAR BANDAR
DI DAERAH DUNGUN, TERENGGANU**

NIK NUR ZURAIDA BINTI NIK ANUAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**PERBANDINGAN TAHAP PENGETAHUAN DAN
SIKAP TENTANG KANSER SERVIKS DALAM
KALANGAN WANITA BANDAR DAN LUAR BANDAR
DI DAERAH DUNGUN, TERENGGANU**

oleh

NIK NUR ZURAIDA BINTI NIK ANUAR

Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Sarjana Sains

SEPTEMBER 2022

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ilahi dengan izinNya segala kepayahan dan keperitan dapat saya tempuhi dalam menyiapkan penyelidikan ini. Saya mengambil kesempatan merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat. Setinggi- tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan kepada Dr. Zakira binti Mamat @ Mohamed, Penyelia Utama (PU) kerana bersusah payah meluangkan masa dan tenaga dalam memberi tunjuk ajar dan berkongsi ilmu tanpa jemu semasa proses menyiapkan kajian. Terima kasih tidak terhingga juga kepada Dr Tengku Alina binti Tengku Ismail, Penyelia Bersama (PB) dan Dr Saiba Balqish Ariffin (Pegawai Statistik UNIMY) yang sentiasa memberi dorongan dan ilmu dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pihak universiti yang banyak memberikan kerjasama bagi melicinkan kajian ini dilakukan. Tidak lupa kepada pihak Pejabat Kesihatan Daerah Dungun, Terengganu terutama Dr. Aminnuddin bin Ma'Pol (Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Pegawai Kesihatan Daerah) serta Matron Maznah Mohamad (Ketua Penyelia Jururawat Daerah) kerana memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan penyelidikan ke atas golongan wanita sasaran di setiap klinik.

Tidak lupa kepada keluarga terutama ibubapa, suami dan anak-anak saya di atas kerjasama, pengorbanan, kesabaran dan sokongan yang diberikan sepanjang tempoh pengajian ini. Berkat doa dan restu kalian tidak akan saya lupakan. Akhir sekali, saya berharap semoga penyelidikan ini dapat memberi manfaat pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Nik Nur Zuraida Binti Nik Anuar.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI SIMBOL	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xv
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Persoalan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	10
1.4.1 Objektif Umum	10
1.4.2 Objektif Spesifik	10
1.5 Hipotesis Kajian	11
1.6 Definisi Operasi dan Konseptual.....	11
1.7 Signifikan Kajian.....	14
BAB 2 : SOROTAN LITERITUR	17
2.1 Pengenalan.....	17

2.2	Kanser Serviks.....	17
2.3	Pengetahuan Tentang Kanser Serviks dan Faktor Mempengaruhinya.....	21
2.4	Sikap Wanita Tentang Kanser Serviks dan Faktor yang Mempengaruhinya.....	28
2.5	Perbandingan Tahap Pengetahuan dan Sikap Bagi Wanita Bandar dan Luar Bandar	35
2.6	Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Pengetahuan dan Tahap Sikap Tentang Kanser Serviks dalam Kalangan Wanita Bandar dan Luar Bandar	40
2.7	Instrumentasi Kajian.....	44
2.8	Teori dan Kerangka Konseptual	48
BAB 3 : METODOLOGI.....		52
3.1	Lokasi Kajian.....	52
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	53
3.3	Tempoh Kajian	54
3.4	Populasi Kajian.....	54
3.5	Persampelan.....	54
3.5.1	Kriteria Pengambilan Sampel dan Kriteria Pengecualian Sampel.....	54
3.5.2	Kaedah Persampelan	55
3.5.3	Saiz Sampel.....	56
3.6	Instrumen Kajian	60

3.6.1	Validiti dan Reliabiliti.....	63
3.7	Variabel	64
3.7.1	Pengukuran Variabel.....	64
3.8	Pertimbangan Etika.....	65
3.9	Pengumpulan Data.....	65
3.10	Kaedah Analisis Data	66
BAB 4 : KEPUTUSAN.....		68
4.1	Data Demografik dan Obstetrik Responden.....	68
4.2	Tahap Pengetahuan Tentang Kanser Serviks dalam Kalangan Wanita Bandar dan Luar Bandar.....	69
4.3	Tahap Sikap Wanita Bandar dan Luar Bandar Terhadap Kanser Seviks	72
4.4	Perbandingan Tahap Pengetahuan dan Sikap Wanita Bandar dan Luar Bandar Terhadap Kanser Serviks	75
4.5	Faktor yang Mempengaruhi Tahap Pengetahuan dan Tahap Sikap Wanita Bandar dan Luar Bandar Terhadap Kanser Serviks.....	76
BAB 5 : PERBINCANGAN.....		84
5.1	Tahap Pengetahuan Tentang Kanser Serviks dalam Kalangan Wanita Bandar dan Luar Bandar.....	84
5.2	Tahap Sikap Tentang Kanser Serviks dalam Kalangan Wanita Bandar dan Luar Bandar	86
5.3	Perbandingan Tahap Pengetahuan dan Sikap Tentang Kanser Serviks dalam Kalangan Wanita Bandar dan Luar Bandar	89

5.4	Faktor yang Mempengaruhi Tahap Pengetahuan dan Tahap Sikap Tentang Kanser Serviks dalam Kalangan Wanita Bandar dan Luar Bandar	90
5.5	Kekuatan dan Kelemahan Kajian	96
BAB 6 : KESIMPULAN DAN CADANGAN		98
6.1	Impak Pengukuran Tahap Pengetahuan Tentang Kanser Serviks Dalam Kalangan Wanita Bandar dan Luar Bandar Terhadap Keluarga, Masyarakat dan Negara.	98
6.2	Impak Perubahan Sikap Wanita Bandar dan Luar Bandar Tentang Kanser Serviks Terhadap Perkhidmatan Kesihatan.....	99
6.3	Impak Perbandingan Tahap Pengetahuan dan Sikap Tentang Kanser Serviks dalam kalangan Wanita Bandar dan Luar Bandar	99
6.4	Impak Terhadap Faktor-Faktor yang telah Dikenal Pasti Mempengaruhi Tahap Pengetahuan dan Sikap Wanita Bandar dan Luar Bandar.....	100
6.5	Impak Kepada Individu, Keluarga, Jururawat Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan & Negara.....	100
6.6	Cadangan Meningkatkan Kesedaran dan Pengetahuan dalam Kalangan Wanita Bandar dan Luar Bandar	102
RUJUKAN		105

LAMPIRAN

LAMPIRAN A : KEBENARAN MENGGUNAKAN SOALAN SOAL SELIDIK

LAMPIRAN B : SOALAN SELIDIK (BAHASA MELAYU)

LAMPIRAN C : SOALAN SELIDIK (BAHASA INGGERIS)

LAMPIRAN D : CARTA ALIR KAJIAN

LAMPIRAN E : CARTA GANTT

LAMPIRAN F : MAKLUMAT PENTERJEMAHAN SOAL SELIDIK

LAMPIRAN G : SURAT KELULUSAN ETIKA (JEPeM)

LAMPIRAN H : SURAT KELULUSAN MNRR (BAHASA MELAYU)

LAMPIRAN I : SURAT KELULUSAN MNRR (BAHASA INGGERIS)

LAMPIRAN J : SURAT KELULUSAN KAJIAN DARIPADA PKD DUNGUN

SENARAI PENERBITAN

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT

Jadual 1.1	Pencapaian Perkhidmatan Pap Smear bagi Klinik Kesihatan dan Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Januari hingga Disember 2018 bagi Negeri Terengganu (Laporan Tahunan Negeri Terengganu, 2018)	8
Jadual 1.2	Pencapaian Perkhidmatan Pap Smear bagi Klinik Kesihatan dan Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Januari hingga Disember 2019 bagi Negeri Terengganu (Laporan Tahunan Negeri Terengganu, 2019)	9
Jadual 3.1	Pencapaian Pap Smear Di Klinik Kesihatan bagi Tahun 2018 dan 2019 Mengikut Sasaran Negeri Di Daerah Dungun.	56
Jadual 3.2	Saiz Sampel Berdasar Kategori Wanita Bandar dan Luar Bandar	58
Jadual 3.3	ID Wanita Bandar dan Luar Bandar Di Klinik Kesihatan	60
Jadual 3.4	Ringkasan Keseluruhan Pengukuran Tahap Pengetahuan Terhadap Kanser Seviks dan Tahap Pengetahuan Terhadap Pap Smear	61
Jadual 3.5	Ringkasan Keseluruhan Pengukuran Tahap Sikap Terhadap Pap Smear	62
Jadual 3.6	Skala Pengukuran variabel.	64
Jadual 3.7	Kesimpulan Statistik	66
Jadual 4.1	Data Sosio-demografik dan Obstetrik Responden ($n=392$)	69

Jadual 4.2	Tahap Pengetahuan bagi Setiap Item bagi Wanita Bandar dan Luar Bandar	71
Jadual 4.3	Skor Tahap Sikap Berdasarkan Wanita bandar dan Luar Bandar	73
Jadual 4.4	Perbandingan Tahap Pengetahuan antara Wanita Bandar dan Luar Bandar	75
Jadual 4.5	Perbandingan Tahap Sikap antara Wanita Bandar dan Luar Bandar	76
Jadual 4.6	Faktor yang Mempengaruhi Tahap Pengetahuan dan Sikap Wanita Bandar dan Luar Bandar	77
Jadual 4.7	Korelasi dan VIF Wanita Bandar	78
Jadual 4.8	Korelasi dan VIF Wanita Luar Bandar	78
Jadual 4.9	Ujian ANOVA	79
Jadual 4.10	Faktor yang Mempengaruhi Tahap Pengetahuan dan Tahap Sikap Wanita Bandar (n=196)	81
Jadual 4.11	Faktor yang Mempengaruhi Tahap Pengetahuan dan Tahap Sikap Wanita Luar Bandar (n=196)	82

SENARAI RAJAH

MUKA SURAT

Rajah 2.1	<i>Health Belief Model</i> (HBM) dan hubungan (Muasa, 2016)	50
Rajah 2.2	Teori dan Kerangka Konseptual dalam Kajian Sebenar Menggunakan <i>Health Belief Model</i> (HBM).	51
Rajah 3.1	Peta Daerah Dungun dan Peta Setiap Mukim Tanah Yang Menempatkan Klinik Kesihatan Daerah Dungun.	53

SENARAI SINGKATAN

HPV	<i>Human Papilloma Virus</i>
HIV	<i>Human Immunodeficiency Virus</i>
WHO	Pertubuhan Kesihatan Dunia
JKNT	Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
CIN	<i>cervical intraepithelial neoplasia</i>
SIL	<i>Squamus intraepithelial neoplasia</i>
CIS	<i>carcinoma in-situ</i>
KKP	Klinik Kesihatan Paka
KKKD	Klinik Kesihatan Kuala Dungun
KKKA	Klinik Kesihatan Kuala Abang
KKKJ	Klinik Kesihatan Ketengah Jaya
KK AMBS	Klinik Kesihatan Al-Mutafi Billah Shah
KKBB	Klinik Kesihatan Bukit Besi
KKJ	Klinik Kesihatan Jerangau
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
HBM	<i>Health Belief Model</i>
MPD	Majlis Perbandaran Dungun
ID	Index
KAP	Knowledge, Attitudes and Practice (Tahap pengetahuan, sikap dan amalan)
JEPeM	Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia

USM	Universiti Sains Malaysia
NMRR	Pendaftaran Penyelidikan Perubatan Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
TP	Tahap Pengetahuan
TS	Tahap Sikap
WB	Wanita Bandar
WLB	Wanita Luar Bandar
ANOVA	Analisis Varian
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>

SENARAI SIMBOL

P	Kadar kejadian wanita menjalani pap smear
P_1	Kadar kejadian wanita menjalani pap smear di bandar
P_2	Kadar kejadian wanita menjalani pap smear di luar bandar
\approx	Hampir sama dengan
=	Sama dengan
\neq	Tidak sama dengan
%	Peratus
n	Saiz sampel
N	Saiz populasi
n_c	<i>Continuity correction</i>
α	Alfa - Kebarangkalian ralat jenis I (aras keertian)
β	Beta - Kebarangkalian ralat jenis II (1- kuasa ujian)
H ₀	Hipotesis Nol
H _a	Hipotesis Alternatif
>	Lebih besar
<	Lebih kecil
p	Nilai-p atau <i>probability of success</i>
\pm	Tanda tambah- tolak
R	Nilai pekali korelasi
R ²	Pekali penentuan (R Square)
d	Nilai kritikal bagi setiap faktor

**PERBANDINGAN TAHAP PENGETAHUAN DAN SIKAP TENTANG
KANSER SERVIKS DALAM KALANGAN WANITA BANDAR DAN LUAR
BANDAR DI DAERAH DUNGUN, TERENGGANU**

ABSTRAK

Kanser serviks merupakan penyebab ketiga kematian dalam kalangan kaum wanita reproduktif yang berisiko di Malaysia. Kajian ini adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan dan sikap tentang kanser serviks dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar di Daerah Dungun, Terengganu. Kajian ini melibatkan golongan wanita berumur dalam lingkungan 30 tahun hingga 65 tahun. Reka bentuk kajian perbandingan ini dijalankan untuk membandingkan tahap pengetahuan dan sikap tentang kanser serviks dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar. Kaedah persampelan pula menggunakan kaedah *purposive sampling* berdasarkan kriteria pengambilan sampel dan kriteria pengecualian sampel. Data dalam kajian ini dianalisa menggunakan versi *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 20 software* (IBM Corp,2013). Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan wanita bandar dan luar bandar adalah baik. Manalaka tahap sikap pula menunjukkan wanita bandar dan luar bandar banyak memberi respon yang positif tentang kanser serviks. Malah perbandingan antara tahap pengetahuan dan tahap sikap bagi wanita bandar dan luar bandar juga tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Hasil dari model regresi berganda (MLR) yang dijalankan juga menunjukkan tiada sebarang faktor yang signifikan dalam meramal tahap pengetahuan dan tahap sikap bagi wanita bandar. Manakala faktor pendidikan dan faktor mengamal perancang keluarga adalah signifikan dalam meramal tahap pengetahuan dan tahap sikap bagi wanita luar bandar dengan nilai $p < 0.05$.

**COMPARISON OF LEVEL OF KNOWLEDGE AND ATTITUDE ABOUT
CERVICAL CANCER AMONG URBAN AND RURAL WOMEN IN
DUNGUN DISTRICT, TERENGGANU**

ABSTRACT

Cervical cancer is the third leading cause of death among at -risk reproductive women in Malaysia. This study is to find out the level of knowledge and attitudes about cervical cancer among urban and rural women in Dungun District, Terengganu. The study involved women aged between 30 and 65 years. The design of this comparative study was conducted to compare the level of knowledge and attitudes about cervical cancer among urban and rural women. The sampling method uses porposive sampling method based on sampling criteria and sample exclusion criteria. The data in this study is analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 20 software (IBM Corp, 2013). The results show that the level of knowledge of urban and rural women is good. Meanwhile, the level of attitude showed that urban and rural women responded positively to cervical cancer. Even the comparison between the level of knowledge and the level of attitude for urban and rural women also did not show a significant difference. The results of the multiple regression model (MLR) conducted also showed that there were no significant factors in predicting the level of knowledge and attitude level for urban women. While educational factors and family planning factors are significant in predicting the level of knowledge and attitude level for rural women with a value of $p < 0.05$.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kanser serviks merupakan masalah kesihatan awam yang utama. Pada tahun 2019, kanser serviks adalah kanser ketiga yang menjadi penyebab utama kematian (7.7%) dalam kalangan wanita di Malaysia (Yusni, 2019). Dianggarkan 60% daripadanya dikesan pada peringkat lewat iaitu pada peringkat ketiga dan keempat. Di China, kanser serviks juga menjadi masalah utama yang menyumbang 46,000 kes baru setiap tahun (Abudukadeer et al., 2015). Di Australia, menjelang tahun 2020 diganggarkan kurang dari 6 kes baru setiap tahun dari 100,000 wanita menghidap kanser serviks dan kurang dari 4 kes baru setiap tahun daripada 100,000 wanita menjelang 2028 sekiranya sikap terhadap amalan pemeriksaan berkala diperbaiki (Hall et al., 2019). Selain itu, berdasarkan anggaran tahunan global pula, India menyumbang kepada 100,000 daripada 500,000 iaitu 20% daripada beban dunia yang amat membimbangkan. Program Kawalan Kanser Kebangsaan India menekankan tentang keperluan dan kepentingan sikap yang positif dalam amalan pengesanan awal melalui ujian pap smear dan kesihatan kepada wanita bandar dan luar bandar (Hosseini et al., 2017).

Seramai 2,784 populasi dunia terdiri daripada wanita berumur 15 tahun dan ke atas yang berisiko mempunyai penyakit kanser serviks (Tata et al., 2017). Penyebab utama kanser serviks adalah kerap bertukar pasangan iaitu 10 kali berisiko daripada wanita yang tidak bertukar pasangan (Widiasih & Nelson, 2018). Kecenderungan mendapat kanser serviks meningkat dalam kalangan wanita yang

aktif mengadakan hubungan seks pada umur yang muda (sebelum berumur 15 tahun) iaitu 2 kali lebih berisiko daripada mereka yang aktif secara seksual selepas umur 15 tahun. Selain itu, penyakit kelamin disebarkan melalui hubungan seks di antara pasangan yang telah dijangkiti kuman menyebabkan penularan kanser serviks juga meningkat seperti chlamydia, Sifilis, gonorrhoea, ketuat dibahagian kemaluan (*Genital warts*), herpes di bahagian kemaluan (*Genital herpes*) dan kulat candidiasis (*Thrush*) (Sharma & Pattanshetty et al., 2018; Kimondo, 2021). Satu kajian di India, menjelaskan kejadian kanser serviks lebih tinggi dalam kalangan wanita yang mempunyai anak seramai 3 orang atau lebih terutamanya wanita yang berkahwin pada usia yang lewat (Nelson et al., 2018).

Faktor lain termasuk merokok juga disyaki menyebabkan kanser serviks. Di mana penggunaan jangka panjang tembakau yang kerap mempunyai dua kali ganda risiko terhadap kejadian kanser serviks (Ashlesha & Neha, 2016). Hal ini kerana merokok merosakkan sistem imun yang boleh menyebabkan tubuh menjadi lemah dalam memerangi ejen penyakit berjangkit seperti virus papilloma manusia (*Human Papilloma Virus / HPV*). Satu kajian di Kolakata, India menjelaskan bahawa nikotin dan kotinin yang dijumpai dalam mukus serviks semasa ujian pap smear adalah kesan biologi akibat merokok (Saha et al., 2014).

Beberapa kajian menyatakan penggunaan pil kontraseptif tidak boleh membantu mencegah kanser serviks. Malah menurut Nagamma et al. (2016), faktor risiko berlakunya kanser serviks adalah disebabkan oleh penggunaan jangka panjang pil kontraseptif. Faktor seterusnya ialah faktor sosio-ekonomi yang rendah terdiri daripada keadaan kehidupan yang miskin, kebersihan diri yang tidak mencukupi dan kekurangan zat makanan boleh menyumbang kepada peningkatan berlakunya kanser serviks. Faktor risiko lain yang dikenalpasti adalah pengambilan makanan berlemak,

protein dan alkohol yang tinggi. Manakala kekurangan sayuran dan serat dalam diet juga berkait dengan risiko terhadap penyakit kanser serviks. Malah risiko kanser serviks dapat dikurangkan dengan pengambilan vitamin A, C dan E (Nurlelawati et al., 2018).

Tahap pengetahuan mengenai kanser serviks boleh dicegah dan rawatan bagi penyakit kanser serviks adalah rendah iaitu hanya 41% berbanding wanita yang mempunyai pendidikan di India. Hal ini jelas menunjukkan pendidikan yang lebih baik adalah faktor asas terhadap pengetahuan seseorang individu dalam membantu mengurangkan kadar kejadian kanser serviks dalam kalangan wanita (Geetha et. al., 2018). Manakala, menurut kajian di Brazil, pengetahuan mengenai kanser serviks tentang tanda dan gejala awal, faktor risiko, vaksin HPV dan ujian pap smear adalah ditahap membimbangkan. Ini telah dibuktikan apabila kanser serviks menjadi kanser kedua menyebabkan kematian 8,400 wanita setiap tahun (Napa, 2016). Jumlah kematian yang tinggi ini amat membimbangkan dan memerlukan program-program kesedaran seperti program saringan pap smear. Ia bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dalam kalangan wanita tentang manfaat melakukan ujian pap smear, maklumat mengenai etiologi dan risiko kanser serviks bagi mengurangkan jangkitan HPV dan mengawal berlakunya kanser serviks. Rawatan awal yang biasa diberikan sekiranya pengesanan awal didapati mempunyai kanser serviks adalah pembedahan, radioterapi dan kemoterapi mengikut tahap penyakit (Abdallah et al., 2016).

Meningkatkan tahap pengetahuan adalah amat penting untuk membangunkan pemahaman yang lebih baik bagi mempengaruhi sikap wanita dalam melakukan ujian saringan pap smear bagi pencegahan awal dan rawatan awal kanser serviks (Marlow et al., 2019). Pengetahuan meliputi sebab, rawatan dan langkah-langkah pencegahan kanser serviks. Pendedahan terhadap pengetahuan kanser serviks dan

ujian pap smear kepada kalangan wanita dan masyarakat amnya biasanya diberikan melalui hebahan atau ceramah dalam komuniti, pameran kesihatan, carta selak (*flip chart*), poster, risalah, akhbar, perbincangan dan demonstrasi oleh kakitangan kesihatan serta melalui media massa seperti televisyen, video, DVD, radio, internet dan sebagainya (Nagamma et al., 2016).

Sikap yang baik terhadap pencegahan kepada risiko kanser serviks dapat membantu memperbaiki amalan penjagaan dan pemeriksaan serviks ke arah yang lebih selamat. Pendidikan yang jelas perlu diberikan bagi memperkasakan lagi sikap dalam kalangan wanita terhadap saringan pap smear (Narayana et al., 2018). Sebagai contoh di Naibori, Kenya (Rosser et al., 2016) pengetahuan tentang penyakit dan kepentingan ujian pap smear secara spesifik tidak dapat dilakukan akibat daripada pengamalan perancang keluarga dan kebersihan diri yang kurang baik serta kepercayaan yang kuat mengenai penggunaan ubatan tradisional dalam pencucian vagina. Menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), kurangnya program saringan yang berkesan menyebabkan sikap wanita dalam melakukan ujian saringan pap smear juga rendah. Sekaligus meningkatkan beban negara bagi rawatan penyakit kanser serviks (Rubini et al., 2018).

Pelbagai program perlu diwujudkan untuk mendidik sekaligus meningkatkan tahap sikap wanita bagi memberikan kesedaran dalam mengurangkan kadar kematian kanser serviks (Mwaka et al., 2015). Hal ini agar wanita dalam kalangan umur 30 tahun hingga 60 tahun sentiasa bermotivasi untuk melakukan saringan pemeriksaan pap smear secara berkala. Kejadian kanser serviks jelas menurun di negara maju kerana peningkatan kesedaran tentang pengetahuan berkaitan pap smear dan sikap yang baik dalam melakukan ujian pap smear dalam kalangan wanita. Pemeriksaan

pap smear digunakan secara meluas dan rutin untuk pengesanan awal sel-sel abnormal yang menentukan penyakit kanser serviks (Jassim et al., 2018).

Kanser serviks adalah penyebab kematian berlaku kira-kira 80% di negara membangun dan 87% di negara kurang maju (Adeyemi et al., 2018). Kematian akibat kanser serviks yang paling biasa berlaku adalah dalam kalangan wanita luar bandar berbanding wanita bandar di India (Varughese et al., 2016). Wanita bandar di India Selatan mempunyai peratusan yang tinggi terhadap pengetahuan tentang bahayanya kanser serviks melalui gejala, faktor risiko, pencegahan dan rawatan penyakit (Geetha et al., 2018). Tahap pendidikan dan status ekonomi yang rendah juga bukan sahaja menjadi masalah kepada wanita bandar di Ethiopia. Hal ini menghalang mereka mendapat maklumat dan pengetahuan yang mencukupi mengenai faktor risiko kanser serviks, tanda dan simptom, pencegahan dan rawatan (Almobarak et al., 2016).

Akhir sekali, pemilihan kajian adalah di Daerah Dungun, Terengganu. Daerah Dungun merupakan daerah ke dua terbesar di Terengganu dan mempunyai beberapa buah klinik kesihatan yang berpusat di Pejabat Kesihatan Daerah Dungun.

1.2 Penyataan Masalah

Tahap pengetahuan yang rendah dan sikap masyarakat yang kurang prihatin terhadap kesihatan juga adalah antara sebab sasaran organisasi dalam menggalakkan wanita bandar dan luar bandar menjalani ujian pap smear tidak tercapai (Adeyemi et al., 2018). Status pendidikan yang rendah akan menyebabkan tahap pengetahuan yang sangat lemah untuk memahami isu kanser serviks serta akan mempengaruhi sikap dalam melakukan saringan kanser serviks dalam kalangan wanita (Roland et al., 2016).

Di Malaysia, berdasarkan statistik yang sedia ada, hanya 12.8% sahaja wanita di negara ini menjalani ujian pap smear telah menunjukkan perbezaan yang jauh dengan sasaran WHO iaitu 70% wanita perlu menjalani ujian berkenaan (Yusni, 2019). Laporan Pendaftaran Kanser Kebangsaan Malaysia 2007-2011, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyatakan statistik kadar kanser serviks adalah 7.6% bagi setiap 100,000. Namun kadar menunjukkan golongan reproduktif di negara yang berisiko mengalami kanser serviks semakin meningkat kepada 10.5% bagi setiap 100,000 pada tahun 2019 (Azizah et al., 2016 ; Zanariah, 2019).

Secara keseluruhannya, mengikut pencapaian pap smear seluruh organisasi kesihatan di Negeri Terengganu adalah tidak mencapai sasaran mengikut sasaran slaid bagi negeri. Pencapaian pap smear bagi Daerah Dungun mengikut sasaran negeri untuk dua tahun berturut adalah ditempat ke dua terendah iaitu pada tahun 2018 dengan 17.40%. Manakala pada tahun 2019, pencapaian sasaran negeri ialah 23.40% sahaja. Penetapan sasaran atau target pap smear setiap daerah telah ditetapkan oleh JKNT. Sasaran ini ditentukan mengikut anggaran bilangan populasi wanita di kawasan operasi di setiap daerah (Laporan Tahunan Negeri Terengganu, 2018; Laporan Tahunan Negeri Terengganu, 2019).

Hal ini menyebabkan Ketua Jabatan di Pejabat Kesihatan Daerah Dungun memberi peluang kepada penyelidik untuk melakukan penyelidikan ke atas pengetahuan dan sikap wanita bandar dan luar bandar terutama pada peringkat umur wanita yang reproduktif. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor penyebab mengapa sasaran pap smear tidak tercapai agar penambahbaikan perlu dilakukan segera melalui kajian terhadap tahap pengetahuan dan sikap wanita tentang kanser serviks. Selain itu, penyelidikan mengenai kajian yang dilakukan penyelidik juga tidak pernah dilakukan di Daerah Dungun, Terengganu.

Lebih jelas lagi, pencapaian boleh dilihat melalui statistik pencapaian perkhidmatan pap smear bagi klinik kesihatan dan hospital KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) pada bulan Januari hingga Disember 2018 bagi Negeri Terengganu melalui jadual 1.1 dan statistik pencapaian perkhidmatan pap smear bagi klinik kesihatan dan hospital KKM pada bulan Januari hingga Disember 2019 bagi Negeri Terengganu melalui jadual 1.2.

Melalui statistik ini, penyelidik berminat untuk memfokuskan kajian kepada golongan wanita yang mendapat rawatan di klinik kesihatan dalam Daerah Dungun, Terengganu kerana mereka adalah golongan reproduktif yang berisiko untuk mendapat kanser serviks.

Selain itu, hasil dari pemerhatian serta perbualan penyelidik dengan wanita-wanita secara tidak formal, penyelidik mendapati masih ramai wanita yang mempunyai tahap kesedaran yang rendah tentang kepentingan menjalani ujian pap smear dan pengetahuan tentang kanser serviks. Perkara inilah yang menyebabkan kebanyakan klinik kesihatan tidak mencapai target ujian pap smear yang disasarkan. Maka, kajian ke atas tahap pengetahuan dan sikap perlu dilakukan dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar kerana mereka adalah kumpulan sasaran utama bagi meningkatkan saringan pap smear dan mencegah awal kejadian kanser serviks di Daerah Dungun.

Jadual 1.1 : Pencapaian Perkhidmatan Pap Smear bagi Klinik Kesihatan dan Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Januari hingga Disember 2018 bagi Negeri Terengganu (Laporan Tahunan Negeri Terengganu, 2018).

Sasaran Pencapaian Pap Smear kepada Wanita 30-65 Tahun

DAERAH	SASARAN SLAID BAGI NEGERI	SASARAN SLAID SASARAN KKM	BIL SLAID 2018			BIL. SLAID (KK & Hosp.)	TOTAL SLAID	Pencapaian Perbandingan sasaran KKM 100%	Pencapaian Berbandingan Sasaran Negeri 40%
			KK	Hospital KKM	Lain-Lain Agensi				
KEMAMAN	8,655	2,250	2,036	256	80	2,292	2,372	101.87	27.41
DUNGUN	7,538	1,960	1,090	34	188	1,124	1,312	66.93	17.94
HULU TERENGGANU	3,553	924	1,118	35	1	1,153	1,154	124.78	32.48
MARANG	5,051	1,313	811	0	9	811	820	61.77	16.23
KUALA TERENGGANU	12,182	3,168	1,299	642	536	1,941	2,477	61.27	20.33
KUALA NERUS	6,294	1,637	2,086	0	0	2,086	2,086	127.43	33.14
SETIU	2,589	673	878	43	0	921	921	136.85	35.57
BESUT	6,675	1,735	1,513	41	12	1,554	1,566	59.57	23.46
NEGERI TERENGGANU	52,537	13,660	11,022	1,051	826	12,073	12,899	88.38	24.55

**Jadual 1.2 : Pencapaian Perkhidmatan Pap Smear bagi Klinik Kesihatan dan Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
Januari hingga Disember 2019 bagi Negeri Terengganu (Laporan Tahunan Negeri Terengganu, 2019).**

Sasaran Pencapaian Pap Smear kepada Wanita 30-65 Tahun

DAERAH	SASARAN SLAID BAGI NEGERI	SASARAN SLAID SASARAN KKM	BIL SLAID 2019			BIL. SLAID (KK & Hosp.)	TOTAL SLAID	Pencapaian Perbandingan sasaran KKM 100%	Pencapaian Berbandingan Sasaran Negeri 40%
			KK	Hospital KKM	Lain-Lain Agensi				
KEMAMAN	8,655	2,250	2,023	258	30	2,281	2,312	101.38	26.71
DUNGUN	7,538	1,960	1,480	29	255	1,509	1,764	76.99	23.40
HULU TERENGGANU	3,553	924	1,264	18	0	1,282	1,282	138.74	36.08
MARANG	5,051	1,313	867	0	0	867	867	66.03	17.16
KUALA TERENGGANU	12,182	3,168	2,805	554	474	2,259	3,833	106.03	31.46
KUALA NERUS	6,294	1,637	2,567	0	1	2,567	2,568	156.81	40.80
SETIU	2,589	673	719	23	0	742	742	110.25	28.66
BESUT	6,675	1,735	1,594	34	102	1,629	1,730	93.89	25.92
NEGERI TERENGGANU	52,537	13,660	13,320	916	862	14,236	15,098	104.22	28.74

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut :

- 1.3.1 Ditahap manakah pengetahuan tentang kanser serviks dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar di daerah Dungun, Terengganu?
- 1.3.2 Ditahap manakah sikap tentang kanser serviks dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar di daerah Dungun, Terengganu?
- 1.3.3 Adakah terdapat perbezaan dalam perbandingan antara tahap pengetahuan dan sikap tentang kanser serviks dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar di daerah Dungun, Terengganu?
- 1.3.4 Apakah terdapat faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan dan sikap tentang kanser serviks dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar di daerah Dungun, Terengganu?

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Umum

Mengenal pasti perbandingan tahap pengetahuan dan sikap berkaitan dengan kanser serviks dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar di Daerah Dungun, Terengganu.

1.4.2 Objektif Spesifik

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan tentang kanser serviks dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar.
- ii. Mengenal pasti tahap sikap tentang kanser serviks dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar.

- iii. Membandingkan tahap pengetahuan dan sikap tentang kanser serviks dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar.
- iv. Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan dan sikap tentang kanser serviks dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar.

1.5 Hipotesis Kajian

Antara hipotesis yang diuji bagi menjawab persoalan kajian ini adalah seperti berikut :

1.5.1 Hipotesis Nul (H_0) : Perbezaan tahap pengetahuan tentang kanser serviks adalah tidak signifikan antara wanita bandar dan luar bandar.

Hipotesis Alternatif (H_a) : Perbezaan tahap pengetahuan tentang kanser serviks adalah signifikan antara wanita bandar dan luar bandar.

1.5.2 Hipotesis Nul (H_0) : Perbezaan tahap sikap tentang kanser serviks adalah tidak signifikan antara wanita bandar dan luar bandar.

Hipotesis Alternatif (H_a) : Perbezaan tahap sikap tentang kanser serviks adalah signifikan antara wanita bandar dan luar bandar.

1.5.3 Hipotesis Nul (H_0) : Terdapat faktor tidak signifikan yang mempengaruhi tahap pengetahuan dan sikap antara wanita bandar dan luar bandar.

Hipotesis Alternatif (H_a) : Terdapat faktor signifikan yang mempengaruhi tahap pengetahuan dan sikap antara wanita bandar dan luar bandar.

1.6 Definisi Operasi dan Konseptual

1.6.1 Perbandingan

Dalam kajian ini perbandingan yang akan dibuat adalah perbandingan tahap pengetahuan tentang kanser serviks dan tahap sikap tentang pap smear untuk mencegah kanser serviks dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar di Daerah Dungun, Terengganu.

1.6.2 Pengetahuan Kanser Serviks

Yuhanis (2015) mendefinisikan pengetahuan adalah suatu peringkat dalam bentuk kebenaran, prinsip dan maklumat . Ia berasal daripada pengalaman lalu dan pengalaman baru samada diketahui sendiri atau daripada orang lain dan digunakan untuk mencapai matlamat. Dalam kajian ini, tahap pengetahuan kanser serviks lebih tertumpu kepada pengetahuan mengenai tanda-tanda penyakit, faktor risiko dan rawatan. Manakala, pengetahuan mengenai kanser serviks diukur melalui pengetahuan tentang pap smear pula berkenaan tujuan saringan, cara saringan, individu yang layak disaring dan masa saringan dilakukan.

1.6.3 Tahap Sikap Kanser Serviks

Sikap mengikut kamus dewan pula adalah tindak tanduk seseorang terhadap sesuatu (rangsangan) yang menggambarkan sikapnya (Norhayati, 2016). Sikap dalam pencegahan kanser serviks pula yang mana kekerapan dalam melakukan ujian pap smear (Najdi et al., 2016). Tahap sikap juga dikelaskan kepada sikap positif dan negatif (Amirah et al., 2017). Dalam kajian ini, komponen sikap yang hendak dikaji merangkumi perasaan/emosi atau psikologikal tentang pap smear dalam mencegah kanser serviks samada positif atau negatif.

1.6.4 Kanser Serviks

Kanser atau barah adalah ketumbuhan berbahaya pada kulit atau pada tisu di dalam pangkal rahim yang disebabkan oleh pertumbuhan sel yang tidak mengikut kadar yang normal disebabkan oleh pengaruh bahan-bahan karsinogen seperti bahan kimia dan virus (Ashlesha & Neha, 2016). Kanser serviks adalah bahagian pangkal atau bawah rahim yang bersambung dengan vagina. Kanser serviks adalah penyakit di mana sel-sel serviks merebak secara luar biasa. Ia terbahagi kepada peringkat awal iaitu berlaku disekitar serviks dan pada peringkat lewat pula akan merebak ke tisu-tisu

berhampiran atau organ tubuh yang lain atau karsinoma seperti paru-paru melalui sistem aliran darah (Alteri et al., 2017).

Keabnormalan sel serviks sebelum menjadi kanser adalah atypia dan dysplasia. Dysplasia adalah sejenis perubahan luarbiasa dalam sel di serviks yang dikenali sebagai *cervical intraepithelial neoplasia* (CIN) dan *Squamous intraepithelial neoplasia* (SIL). Penyakit berubah dalam jangkamasa yang perlahan secara berterusan. CIN ini terbahagi kepada 3 peringkat mengikut tahap keabnormalan sel tersebut yang didiagnos melalui analisis patologi bagi menentukan jenis rawatan dan prognosis. Peringkat tersebut ialah CIN 1 adalah *dysplasia* ringan, CIN 2 adalah *dysplasia* sederhana dan CIN 3 adalah *dysplasia* teruk dan *carcinoma in-situ* (CIS). Seterusnya menjadi kanser serviks atau karsinoma invansif (Vegunta et al., 2017).

1.6.5 Wanita Bandar

Wanita bandar adalah mereka yang tinggal di kawasan pembangunan yang teratur, tersusun disamping penekanan terhadap kualiti hidup yang lebih baik (Samruhaizad et al., 2014). Dalam kajian ini, wanita bandar yang terlibat dan diambil sebagai responden adalah wanita yang berada dalam kawasan operasi klinik di Klinik Kesihatan Paka (KKP), Klinik Kesihatan Kuala Dungun (KKKD) dan Klinik Kesihatan Kuala Abang (KKKA), (Hassidy, 2019). Manakala populasi kajian diambil melalui data statistik pencapaian perkhidmatan pap smear bagi klinik kesihatan di Daerah Dungun mengikut sasaran slaid bagi negeri dan bilangan slaid pap smear pada tahun 2018 dan tahun 2019. Bagi kategori wanita bandar, jumlah sasaran slaid bagi negeri ialah 5,667 wanita, bilangan slaid pap smear 2018 ialah 611 wanita dan bilangan slaid pap smear 2019 ialah 988 wanita.

1.6.6 Wanita Luar Bandar

Wanita luar Bandar ialah wanita yang tinggal jauh dipendalaman dan dikaitkan dengan golongan miskin atau yang berpendapatan rendah serta mendapat penjagaan kesihatan dan pelbagai perkhidmatan yang terhad (Rosser, 2016). Dalam kajian ini, wanita luar bandar yang terlibat dan diambil sebagai responden adalah wanita yang berada dalam kawasan operasi klinik di Klinik Kesihatan Ketengah Jaya (KKKJ), Klinik Kesihatan Al-Mutafi Billah Shah (KK AMBS), Klinik Kesihatan Bukit Besi (KKBB) dan Klinik Kesihatan Jerangau (KKJ), (Hassidy, 2019). Malah populasi kajian juga diambil melalui data statistik pencapaian perkhidmatan pap smear bagi klinik kesihatan di Daerah Dungun mengikut sasaran slaid bagi negeri dan bilangan slaid pap smear pada tahun 2018 dan tahun 2019. Bagi kategori wanita luar bandar, jumlah sasaran slaid bagi negeri ialah 1871 wanita, bilangan slaid pap smear 2018 ialah 479 wanita dan bilangan slaid pap smear 2019 ialah 492 wanita.

1.7 Signifikan Kajian

Kajian ini adalah bagi mengenalpasti tahap pengetahuan dan tahap sikap wanita. Tetapi kajian ini menggunakan kaedah metodologi mengikut kesesuaian proses penyelidikan. Ia meliputi reka bentuk kajian perbandingan dengan populasi wanita berusia antara 30 tahun hingga 65 tahun berdasarkan dua kategori iaitu wanita bandar dan luar bandar di daerah Dungun, Terengganu. Dua kategori wanita ini adalah penduduk tetap dan datang ke klinik kesihatan. Kajian ini mampu menambahkan statistik dapatan. Malah, teori dan kerangka konseptual juga digunakan berdasarkan *Health Belief Model* (HBM) untuk menangani masalah tingkahlaku yang boleh memberi pendekatan untuk pencegahan awal penyakit kanser serviks.

Tujuan kajian ini bagi menentukan perbezaan antara tahap pengetahuan dan tahap sikap wanita dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar tentang kanser serviks memandangkan statistik pencapaian perkhidmatan pap smear bagi klinik kesihatan di Daerah Dungun mengikut sasaran slaid bagi negeri dan bilangan slaid pap smear pada tahun 2018 dan tahun 2019 adalah rendah. Perbezaan tahap pengetahuan dan tahap sikap antara wanita bandar dan luar bandar ini dapat mengenalpasti punca statistik daerah Dungun yang rendah. Malah kajian ini juga dapat mengenalpasti faktor-faktor (umur, tahap pendidikan, anggaran pendapatan, status perkahwinan, jumlah perkahwinan, status haid, perancang keluarga dan pap smear) yang mempengaruhi tahap pengetahuan dan sikap wanita bandar dan luar bandar.

Pelbagai program boleh dianjurkan di peringkat Daerah Dungun bersama komuniti dengan target utama adalah meningkatkan tahap pengetahuan dan sikap tentang kanser serviks terhadap wanita yang layak apabila permasalahan dapat dihuraikan melalui kajian ini. Program tersebut seperti mengadakan Kem Kesihatan Kesedaran Wanita, Kempen Kesedaran Tanpa Kanser dan lain-lain lagi. Sekaligus dapat meningkatkan statistik melalui pencapaian perkhidmatan pap smear mengikut sasaran akan meningkat di setiap klinik kesihatan.

Justeru itu ianya akan memberi impak positif terhadap sikap wanita terutama dalam meningkatkan tahap kesihatan golongan wanita dalam komuniti di Malaysia. Seterusnya akan meningkatkan imej KKM kerana berjaya menurunkan kadar kematian pesakit yang mengidap kanser serviks dan mengurangkan kos perbelanjaan perubatan bagi pesakit kanser apabila pengesanan diperingkat awal melibatkan kos yang sedikit berbanding dengan peringkat akhir kanser. Kos rawatan ini boleh membebaskan individu, keluarga dan masyarakat sendiri dalam penjagaan harian semasa menghadapi proses penyakit. Jelaslah di sini betapa pentingnya pengetahuan

dan sikap yang perlu diketengahkan kepada komuniti serta diberikan secara berterusan di mana kesedaran semakin berkurangan kepada wanita masa ini (Tata et al., 2017, Aweke et al., 2017)).

Impak kajian kepada akedemik pula adalah memberi peluang ilmu kepada penyelidik untuk melakukan penyelidikan bagi menentukan punca masalah melalui hasil penyelidikan. Seterusnya memastikan penambahbaikan dapat dilakukan selepas ini agar dapat membantu masyarakat mengubah sikap mereka ke arah kesihatan yang lebih baik. Selain itu, kajian ini juga akan memberi peluang kepada penyelidik akan datang untuk membuat rujukan.

Malah impak kajian kepada individu pula, ianya akan dapat memberi faedah kepada golongan wanita (Roland et al., 2016), tentang kepentingan tahap pengetahuan dan sikap wanita berkaitan dengan kanser servik (Hua, 2016). Pengesanan dan diagnosis awal amat meningkatkan peluang bagi memastikan rawatan yang dijalankan berjaya (Elamurugan et al., 2019). Rawatan awal yang diberikan kepada pesakit bertujuan untuk meningkatkan kesihatan ke arah kehidupan yang lebih baik. Ia juga dapat menurunkan jumlah statistik morbiditi dan mortaliti pesakit disebabkan oleh penyakit kanser serviks dalam kalangan wanita.

Oleh itu, penyelidik merasakan satu keperluan bagi menilai pengetahuan dan sikap tentang kanser serviks dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar di Daerah Dungun, Terengganu. Sekaligus mendidik mereka secara serentak untuk peningkatan kesihatan ke arah yang lebih baik dan holistik.

BAB 2

SOROTAN LITERITUR

2.1 Pengenalan

Semakan bacaan yang dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat yang boleh dijadikan sebagai panduan kepada penyelidik melalui kajian-kajian yang lepas berkaitan kepentingan pengetahuan dan sikap untuk mencegah berlakunya kanser serviks dalam kalangan wanita bandar dan luar bandar. Ia juga sangat berguna kepada penyelidik mengetahui bukti, hasil penyelidikan orang lain serta kaedah penyelidikan yang digunakan dalam merumuskan masalah penyelidikan yang lebih sesuai dengan kajian yang akan dilaksanakan.

2.2 Kanser Serviks

Kanser serviks merupakan masalah utama yang menyebabkan kematian di seluruh dunia. Jelas lagi negara di Asia Tenggara mempunyai kadar mortaliti dari penyakit kanser serviks yang tinggi berbanding negara di Rantau Asia Pasifik seperti Amerika Utara, Eropah Barat dan Australia. Malaysia amnya, mempunyai kadar insiden kanser serviks antara 6.5 setiap 100,000 wanita pada tahun 2011 dengan risiko hidup hanya 1 dalam 116 wanita. Kejadian ini berlaku dalam kalangan wanita berumur 50-59 tahun di mana 40% didiagnosis pada peringkat lewat (Amirah et al., 2017).

Merujuk kepada kajian Okunowo et al. (2018) menjelaskan bahawa kanser serviks adalah penyakit boleh dicegah dan dapat disembuhkan apabila dikesan dan dirawat pada peringkat awalnya. Sains perubatan telah membuktikan intervensi awal sebagai bukti yang berkesan untuk pencegahan, pengesanan awal dan rawatan

penyakit. Akibatnya, tidak ada wanita yang harus menderita atau mati akibat kanser serviks dan komplikasinya.

Satu kajian terhadap wanita Arab Saudi oleh Jradi & Bawazir (2019), menunjukkan kepercayaan negatif berkaitan dengan pemeriksaan kanser serviks. Sebilangan besar wanita menganggap diri mereka tidak berisiko mendapat kanser serviks, dan tidak ada alasan untuk ujian saringan jika tidak ada tanda-tanda dan gejala. Hasil ini menunjukkan kurangnya kesedaran mengenai kanser serviks dan pentingnya pemeriksaan.

Menurut Mabotja et al. (2021) pencegahan dari berlakunya kanser serviks dapat dilakukan hanya dengan meningkatkan penyaringan. Jika liputan saringan yang tinggi dicapai, yang bermaksud sebilangan besar wanita yang layak menerima ujian saringan dapat menjalaninya.

Kajian oleh Aldhafar et al. (2016) di Al-Ahsa, Arab Saudi menjelaskan majoriti guru wanita di antara sekolah bandar tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang mencukupi berkaitan dengan kanser serviks 66.2%. Tanpa pengetahuan dan kesedaran yang tinggi, hal ini boleh meningkatkan lagi peratusan kematian kes kanser serviks setiap tahun.

Kanser serviks didefinisikan sebagai kanser yang berpunca daripada pangkal rahim. Kanser serviks adalah kehadiran virus papilloma manusia (HPV) disebabkan oleh jangkitan virus secara seksual. Sekiranya tiada rawatan yang diberikan, ianya akan menular menjadi kanser. Kanser serviks adalah salah satu punca kematian di negara membangun. Kira-kira 80% wanita Amerika Syarikat aktif secara seksual telah dijangkiti HPV. Lelaki juga adalah pembawa HPV. Namun tidak semua jenis HPV menyebabkan kanser, hanya 12 jenis virus yang berisiko tinggi penyebab kanser dan dua jenis virus (HPV 16 & HPV 18) adalah menyumbang kepada 70% kanser serviks.

Pertumbuhan sel abnormal ini akan menyerang atau merebak ke bahagian-bahagian lain. Kebiasaannya terjadi tanpa gejala. Seterusnya gejala boleh dilihat melalui perdarahan faraj yang abnormal, sakit dipelvis atau sakit semasa melakukan hubungan seks (Marlow et al., 2019).

Penemuan oleh Hall et al. (2019) dalam kajiannya menunjukkan kejadian kanser serviks dan kaitan kematian berasaskan pemantauan setiap 2 tahun untuk pemeriksaan HPV (HPV 16 atau HPV 18) dan setiap 5 tahun, berkemungkinan dapat mengurangkan kadar kematian kanser serviks sebanyak 28%. Perlindungan kanak-kanak perempuan di Australia adalah tinggi di mana bagi gadis 15 tahun mereka telah mendapat 3 dos vaksin HPV iaitu 6%.

Kajian di Kota Pekanbaru, Indonesia menjelaskan pengetahuan yang dimiliki oleh responden berkaitan dengan pap smear dan kanser serviks amat rendah iaitu 13.6%. Kekurangan pengetahuan menyebabkan menurunnya sikap wanita dalam melakukan amalan ujian saringan pap smear bagi mencegah kanser serviks iaitu hanya 19.7% dan 80.3% pula tidak pernah menjalani ujian saringan. Mereka tidak sedar bahawa penyebab utama kanser serviks adalah daripada virus HPV yang boleh dicegah dan dirawat awal terutama bagi wanita yang berisiko untuk menghidap kanser serviks. Mereka yang berisiko ialah wanita yang multipara, perokok, mengadakan hubungan seks diusia muda, yang menghidap HIV dan lain-lain lagi (Heryani & Riau, 2018).

Kajian di Iraq menjelaskan penyakit kanser serviks adalah sel-sel abnormal yang tumbuh dipangkal rahim dan boleh merebak serta berlaku kepada semua wanita. Maka pengetahuan tentang kanser serviks amat diperlukan untuk pencegahan awal dan rawatan awal dapat dilakukan segera (Mouroge et al., 2018). Hasil kajiannya menunjukkan bahawa wanita yang mempunyai pengetahuan mengenai kanser serviks

ialah 47% dan sikap dalam melakukan ujian pap smear pula adalah rendah iaitu 31%. Sebab-sebab kurangnya sikap dalam melakukan pemeriksaan serviks adalah disebabkan rasa takut (34%), prosedur yang menyakitkan (29%) dan sebab yang paling biasa adalah kurang kaunseling berkaitan pencegahan awal kanser serviks (67.7%).

Pada tahun 2016 di Jakarta, satu kajian dilakukan Rumah Sakit Pusat Pertamina oleh Nurlelawati et al., (2018) menunjukkan daripada 83 responden, seramai 55.4% responden menghidap kanser serviks diperingkat awal dan 44.6% responden pula diperingkat lewat kanser serviks. Responden memiliki pendidikan ditahap rendah adalah 62.7% dan di peringkat tinggi ialah 37.3%. Hal ini mempengaruhi tahap pengetahuan responden terhadap kanser serviks, tanda dan simptom penyakit, pencegahan awal dan rawatan awal yang diperlukan untuk mengurangkan kadar morbiditi atau kematian kes kanser yang semakin meningkat.

Kesimpulannya, pengetahuan asas mengenai kanser serviks perlu diperkukuhkan di seluruh dunia supaya masyarakat umum dapat mengambil langkah pencegahan seawalnya setelah dapat mengenalpasti gejala penyakit (Saha et al., 2014).

Selain itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan kesedaran sikap wanita mengenai amalan pemeriksaan kanser serviks dengan mendidik dan menggalakkan wanita untuk mengambil bahagian dalam program saringan kanser yang akan memberi manfaat dalam mengurangkan kejadian kanser serviks (Mouroge et al., 2018).

2.3 Pengetahuan Tentang Kanser Serviks dan Faktor Mempengaruhinya

Kanser serviks menjadi penyebab kematian dan morbiditi dalam kalangan wanita di dunia. Namun kanser serviks ini boleh dicegah sepenuhnya dengan meningkatkan tahap pengetahuan dan sikap wanita dengan melibatkan diri dalam saringan ujian pap smear. Hal ini dijelaskan dalam kajian oleh Ali et al. (2018), bahawa tahap pengetahuan masih lagi rendah dalam kalangan pelajar wanita tetapi sikap dan persepsi mereka adalah optima mengenai implikasi jangkitan kanser serviks dan pencegahannya melalui pap smear. Maka pendidikan amat diperlukan untuk meningkatkan pengetahuan bagi mengurangkan kadar insiden kanser serviks dan kematian yang rendah.

Hal ini dijelaskan lagi dalam kajian di Asia oleh Daniyal et al. (2015) yang menunjukkan kebanyakan wanita tidak mempunyai kesedaran dan pengetahuan mengenai kanser serviks, jangkitan HPV, sikap melakukan pemeriksaan pap smear dan ketersediaan pengambilan vaksin HPV menyebabkan mortaliti berlaku dalam kalangan mereka.

Satu intervensi utama dilakukan melalui pemeriksaan awal bagi mengurangkan kejadian kematian dalam kalangan kakitangan kesihatan wanita di Selatan Ethiopia. Namun hasil kajian mereka menjelaskan tahap pengetahuan bagi 367 orang kakitangan kesihatan masih rendah tentang kanser serviks termasuk tentang faktor risiko, gejala, rawatan bagi penghidap kanser serviks dan sikap dalam pemeriksaan awal untuk mencegah kanser serviks (Dulla et al., 2017).

Cabaran utama dalam penjagaan kesihatan bagi mencegah awal kanser serviks adalah dalam meningkat tahap pengetahuan wanita di Libreville, Gabon (Assoumou et al., 2015). Hal ini dijelaskan lagi melalui hasil kajian yang menyatakan tahap pengetahuan wanita tentang kanser serviks amat rendah iaitu 27.9% (126/452).

Manakala maklumat mengenai kanser serviks biasanya diperolehi daripada media massa (28.5%) dan kakitangan kesihatan (27.1%) juga amat rendah.

Satu kajian di Ethiopia menunjukkan tahap pengetahuan tentang kanser serviks dalam kalangan wanita yang dijangkiti HIV (*Human Immunodeficiency Virus*) adalah amat rendah. Di mana 71% responden pernah mendengar tentang kanser serviks. Seramai 49% responden tidak mengetahui punca kanser serviks berlaku manakala 74% responden pula dapat mengenalpasti sekurang-kurangnya satu faktor risiko penyebab kanser serviks. Selain itu 33% responden dapat mengenalpasti satu pilihan rawatan untuk kanser serviks (Shiferaw et al., 2016).

Kajian Abudukadeer et al. (2015) yang dilakukan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan sikap wanita Uyghur di Wilayah Xinjiang, China mengenai pencegahan dan pengesanan awal kanser serviks akibat daripada kadar kejadian kanser serviks yang tinggi. Kaedah kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini dengan jumlah responden seramai 5000 orang wanita Uyghur. Pengumpulan data pula berasaskan item soal selidik. Majoriti wanita mempunyai tahap pengetahuan tentang kanser serviks hanya 30% manakala 32% adalah mereka yang bersedia mendapatkan pemeriksaan pap smear untuk mengesan kanser serviks.

Tahap pengetahuan yang rendah juga dikenalpasti oleh satu kajian yang dijalankan di Kampus Perubatan Manimal, India kepada pelajar mengenai faktor risiko kanser serviks (Nagamma et al., 2016). Bagi kajian di Bostwana oleh Tapera et al. (2017) juga menunjukkan pengetahuan kebanyakan wanita mengenai kanser serviks dan sikap dalam melakukan ujian pap smear adalah rendah iaitu 35%.

Manakala kajian di India oleh Saha et al. (2014) pula menunjukkan secara keseluruhan hanya 43% pelajar yang mempunyai pengetahuan mengenai umur berlakunya kanser serviks dalam kalangan wanita di India. Hasil kajian mendedahkan

tahap pengetahuan tentang faktor risiko kanser serviks juga amat rendah. Peningkatan besar kanser serviks terutama di negara-negara membangun seperti di India ini menunjukkan bahawa wanita masih kurang pengetahuan dan kurang kesedaran mengenai kanser serviks. Kajian Kimondo (2021) juga menunjukkan bahawa kurang separuh daripada responden di wilayah Kilimanjaro, utara Tanzania mempunyai kurang pengetahuan tentang faktor risiko kanser serviks (38.4%), tanda dan gejala (27.9%), dan pencegahan (52.5%).

Manakala kajian oleh Nattembo (2018) juga menjelaskan pendapat yang sama iaitu menyatakan pelajar wanita di Universiti, Uganda mempunyai pengetahuan amat rendah di mana hanya 10% sahaja yang pernah mendengar mengenai kanser serviks, tanda dan gejala kanser serviks, punca kanser serviks, kaedah pemeriksaan dan rawatan untuk kanser serviks. Selain itu, pengetahuan tentang kanser serviks dalam kalangan wanita di Arab Saudi juga menunjukkan pengetahuan mereka berada pada tahap yang rendah (Malibari, 2018).

Punca utama kematian wanita di Negeria sehingga 80% adalah disebabkan oleh kanser serviks. Hal ini disebabkan oleh kurangnya pengetahuan, sikap dan amalan pemeriksaan serviks dalam kalangan wanita. Kajian mereka turut menjelaskan bahawa kebanyakan responden kurang berpengetahuan mengenai gejala dan faktor risiko kanser serviks, kurang kesedaran terhadap kanser serviks serta kurangnya pengetahuan mengenai kepentingan pemeriksaan pap smear terhadap pencegahan kanser serviks (Adeyemi et al., 2018).

Beban rawatan yang tinggi di China wujud dalam kawasan sosio ekonomi yang berbeza terutama di kawasan luar bandar. Seramai 452 wanita luar bandar secara sukarela menyertai Program Pemeriksaan Kanser Serviks. Hasil kajian mendapati masih ramai wanita yang kurang berpengetahuan tentang kanser serviks terutama

berkaitan kepentingan amalan ujian pap smear untuk pengesanan awal dan rawatan (Di et al., 2015).

Kanser serviks adalah kanser yang boleh dicegah melalui diagnosis awal di kalangan wanita kerana ia mempunyai tempoh pra-invasif yang panjang. Pap smear adalah ujian untuk mengesan kanser serviks sebelum manifestasi klinikalnya tepat 90-95%. Namun, daripada kajian di universiti, Asia mendapati hanya 55.1% pelajar mempunyai pengetahuan tentang kanser serviks dan 45.8% mempunyai pengetahuan tentang amalan ujian pap smear sebagai kaedah saringan awal manakala hanya sebilangan kecil sahaja yang mengetahui 8% vaksinasi digunakan sebagai kaedah perlindungan (Altay et al., 2015).

Pendedahan oleh media massa yang diberikan kepada wanita adalah kurang bagi meningkatkan pengetahuan kepada perubahan sikap dan kepercayaan mereka terhadap pemeriksaan dan pencegahan awal dari berlakunya kanser serviks. Ini dijelaskan dalam kajian Roland et al. (2016) yang dilakukan di beberapa klinik kesihatan, Amerika Syarikat untuk menilai tahap pengetahuan dan kesedaran melakukan amalan kesihatan amat rendah dalam kalangan wanita. Di mana sumber pengetahuan oleh penjagaan kesihatan hanya 41%, internet 30%, risalah 41%, majalah 42% dan televisyen 59%.

Manakala satu kajian di Lublin oleh Grochowska et al. (2017) juga menunjukkan kurangnya pendedahan media massa menyebabkan kurangnya pengetahuan dan maklumat mengenai kanser serviks dalam kalangan wanita. Di mana, tahap pengetahuan responden perempuan mengenai kanser serviks adalah rendah iaitu 21.49%, dan hanya 16.53% sahaja yang mengetahui tentang jumlah kematian penyakit kanser serviks meningkat setiap tahun di negara terutamanya bagi wanita yang terdedah kepada faktor risiko, terutamanya jangkitan virus papilloma manusia (HPV).